

02 AUG 2002

RAFIDAH-PELABUR

PELABUR ASING PINDAH KE NEGARA KOS BURUH MURAH KINI KEMBALI SEMULA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Pelabur-pelabur asing yang berpindah ke negara yang menawarkan kos buruh yang lebih murah kini ingin kembali semula ke Malaysia kerana menanggung kos operasi yang lebih tinggi akibat kos tersembunyi yang tidak disedari oleh mereka pada mulanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kebanyakan pelabur mendapati mereka terpaksa menanggung kos yang tinggi daripada aspek kos utiliti, pentadbiran, infrastuktur serta kos-kos lain, walaupun kos buruh murah.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Wanita Umno di Ibupejabat Umno di sini hari ini sebagai menjawab soalan pemberita mengenai laporan Bank Dunia yang mengatakan terdapat pelabur asing memindahkan kembali kilang mereka daripada Vietnam ke negara asal, seperti Malaysia kerana kos yang tinggi yang terpaksa ditanggung.

" Mereka (pelabur asing) anggap kos buruh murah, tetapi bila mula beroperasi baru dia tahu kos sebenar lebih mahal daripada yang dijangkakan," katanya.

Beliau berkata mereka tidak mendapat maklumat yang betul dan tidak menjalankan kajian yang mendalam mengenai kos yang tersembunyi itu sebelum memindahkan pelaburan mereka ke negara-negara berkenaan.

Malah semasa mengetuai rombongan promosi perdagangan dan pelaburan ke Jepun baru-baru ini, Rafidah berkata salah seorang pelabur Jepun yang telah melabur di Malaysia dengan sukarela telah bangun dan menjelaskan kepada para pelabur Jepun bahawa beliau tidak berhasrat berpindah ke negara lain kerana mendapati wujudnya kos tersembunyi ini jika berpindah ke negara-negara yang menawarkan kos buruh yang murah.

Menyentuh mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa terdapat sebuah negara kaya membayar AS\$200 juta serta faedah istimewa bagi menghalang sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia, Rafidah berkata Malaysia mempunyai kemampuan yang terhad untuk bersaing.

Beliau berkata syarikat yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir itu, ialah sebuah syarikat eletronik yang berteknologi amat tinggi dengan kos pelaburan beratus-ratus juta dolar.

Malah syarikat itu ada membuat permohonan kepada kerajaan untuk mendapat tanah percuma serta mahukan kerajaan membiaya sepenuhnya atau separuh daripada projek tersebut, katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak mempunyai kemampuan untuk memenuhi permohonan itu, kerana wang yang diperlukan itu lebih baik digunakan untuk projek pembangunan rakyat.

Selain daripada itu, faedah yang akan diperolehi tidak setimpal dengan kos yang kerajaan keluarkan untuk menjayakan projek tersebut, katanya.

" Lagipun dengan duit yang sebegitu banyak, adalah lebih baik kita (kerajaan) memberi sokongan kepada industri tempatan," katanya.

Beliau berkata Malaysia mempunyai kemampuan yang terhad dan kerajaan cuba memberi insentif yang termampu seperti geran latihan, insentif kajian dan penyelidikan, "tetapi kita tidak dapat menawar geran AS\$300-400 juta kerana hendakkan projek itu ditempatkan di Malaysia."

Selain daripada itu, bukan dasar Malaysia untuk memberi geran berjuta-juta ringgit serta sanggup menanggung kos membina kilang untuk menarik pelabur asing kerana tidak ada satu industri yang begitu strategik

sehingga harus bayar AS\$400 juta untuk mendapatkannya.

Negara-negara maju terutama negara Eropah sememangnya membuat tawaran sedemikian kerana mempunyai kemampuan yang besar untuk menarik syarikat-syarikat berteknologi tinggi melabur di negara mereka, katanya.

Beliau berkata, kerana tidak sanggup membuat pembayaran itu, sukarlah bagi negara membangun menarik pelabur-pelabur syarikat berteknologi tinggi.-- BERNAMA

HK OS